



TIMBALAN KETUA PENGARAH PENDIDIKAN TINGGI
(AKADEMIK DAN PEMBANGUNAN)
DEPUTY DIRECTOR GENERAL OF HIGHER EDUCATION
(ACADEMIC AND DEVELOPMENT)
Jabatan Pendidikan Tinggi
Department of Higher Education
Kementerian Pengajian Tinggi
Ministry of Higher Education Malaysia
Aras 9, No.2, Menara 2,
Jalan P5/6, Presint 5
62200 PUTRAJAYA
MALAYSIA

JPT | JABATAN
PENDIDIKAN
TINGGI

Tel: 603-88706401
Faks (Fax): 603-88706842
Portal Rasmi: <http://jpt.mohe.gov.my>

Ruj. Kami: JPT (A) 1000/021/011/01 Jld. 13 (142)
Tarikh: 20 Julai 2022

YBHG. DATUK PROF. TS. DR. AHMAD FAUZI BIN ISMAIL

Naib Canselor
Universiti Teknologi Malaysia (UTM)
81310 Johor Bahru
JOHOR

YBhg. Datuk,

**MAKLUMAN KEPADA UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA (UTM)
BERHUBUNG KEPUTUSAN MESYUARAT JAWATANKUASA PENDIDIKAN
TINGGI (JKPT) BIL.2/2022 PADA 31 MEI 2022**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) meluluskan permohonan UTM seperti berikut:

(a) Semakan Kurikulum: Perubahan Maklumat Program Akademik

Senarai program akademik dan sesi penawaran diluluskan adalah seperti di Lampiran A

3. Butiran kelulusan dan cabutan minit Mesyuarat JKPT Bil.2/2022 disertakan untuk rujukan dan makluman jua. Perhatian YBhg. Datuk berhubung perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

(PROF. IR. DR. ROBIAH BINTI YUNUS)



s.k.:

YBRS. PROF. SR. DR. HISHAMUDDIN MOHD. ALI
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
Universiti Teknologi Malaysia (UTM)
81310 Johor Bahru
JOHOR

KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)
Mercu MQA,
No. 3539, Jalan Teknokrat 7, Cyber 5
63000 Cyberjaya
SELANGOR

Lampiran A

(a) Semakan Kurikulum: Perubahan Maklumat Program Akademik

BIL	NAMA PROGRAM		BIDANG NEC		TEMPOH PENGAJIAN		JUMLAH JAM KREDIT		MOD PENAWARAN		LOKASI PENAWARAN		SESI PENGAJIAN DITAWARKAN	TARIKH KELULUSAN SENAT
	ASAL	BAHARU	ASAL	BAHARU	ASAL	BAHARU	ASAL	BAHARU	ASAL	BAHARU	ASAL	BAHARU		
1	Sarjana Sains Pengkhususan: Matematik <i>Master of Science Specialization: Mathematics</i>	Sarjana Sains dalam Matematik <i>Master of Science in Mathematics</i>	461 - <i>Mathematics</i>	0540 - Mathematics and Statistics not further defined	Sepenuh Masa Min: 1.5 tahun (3 semester) Maks: 4 tahun (8 semester)	Kekal	42 kredit	Kekal	Campuran	Kekal	Fakulti Sains	Kekal	Semester 1, Sesi 2022/2023	30 Mac 2022
2	Sarjana Sains Pengkhususan: Matematik Kejuruteraan <i>Master of Science Specialization: Engineering Mathematics</i>	Sarjana Sains Matematik Kejuruteraan <i>Master of Science in Engineering Mathematics</i>	461 - <i>Mathematics</i>	0540 - Mathematics and Statistics not further defined	Sepenuh Masa Min: 1.5 tahun (3 semester) Maks: 4 tahun (8 semester)	Kekal	42 kredit	Kekal	Campuran	Kekal	Fakulti Sains	Kekal	Semester 1, Sesi 2022/2023	30 Mac 2022

CABUTAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PENDIDIKAN TINGGI (JKPT)
BIL.2/2022

Tarikh : 31 Mei 2022 (Selasa)
Masa : 2.30 petang hingga 4.30 petang
Tempat : Secara Dalam Talian Melalui Aplikasi Zoom

1. PERUTUSAN Pengerusi

- 1.1 Pengerusi memulakan mesyuarat dengan mengucapkan salam dan mengalu-alukan kehadiran semua ahli mesyuarat.

PENAMBAHBAIKAN KERTAS CADANGAN BAGI PERMOHONAN KE MESYUARAT SARINGAN AWAL (MSA) DAN JAWATANKUASA PENDIDIKAN TINGGI (JKPT)

- 1.2 Seperti semua sedia maklum, Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT) telah membangunkan **kerangka *Experiential Learning and Competency – Based Education Landscape (EXCEL)***. Kerangka ini dibangunkan sebagai sumber rujukan kepada universiti awam (UA) dalam membangunkan program akademik agar selaras dengan perkembangan semasa dan keperluan pemegang taruh.
- 1.3 Selaras dengan amanat YB Menteri Pengajian Tinggi yang telah diadakan pada 17 Januari 2022 yang lepas, YB Menteri Pengajian Tinggi memohon agar semua UA menyemak semula program akademik berteraskan kerangka EXCEL. Oleh yang demikian, dalam memastikan pelaksanaan kerangka ini, pihak UA perlu menerapkan kerangka EXCEL dalam membangunkan program akademik supaya selaras dengan pindaan dan penambahbaikan dasar JPT yang berkuat kuasa.
- 1.4 Satu surat pemakluman telah diedarkan kepada UA pada 26 Mei 2022 bagi memaklumkan format kertas cadangan baharu bagi permohonan akademik baharu ke Mesyuarat Saringan Awal (MSA) dan Jawatankuasa Pendidikan Tinggi (JKPT) telah ditambahbaik berdasarkan kerangka EXCEL.
- 1.5 Sehubungan itu, UA adalah dipohon untuk melengkapkan kertas cadangan yang dilampirkan sebelum menghantar permohonan program akademik baharu atau/dan semakan kurikulum kepada pihak urus setia, Bahagian Kecemerlangan Akademik (BKA), JPT. Penggunaan format kertas cadangan baharu ini adalah berkuat kuasa mulai 15 Jun 2022.

PEMAKLUMAN BERHUBUNG KEPUTUSAN MESYUARAT
JAWATANKUASA PENDIDIKAN TINGGI (JKPT) BIL.1/2022

- 1.6 Untuk makluman juga, Jabatan ini telah menerima pelbagai bentuk permohonan program akademik baharu dan semakan kurikulum daripada Universiti Awam (UA) untuk pertimbangan Mesyuarat JKPT seperti pertambahan jumlah jam kredit, konsolidasi/segregasi program akademik, pertambahan lokasi penawaran program akademik dan sebagainya. Namun begitu, terdapat permohonan yang tidak dapat dipertimbangkan kerana memerlukan tindakan penambahbaikan yang perlu dilakukan oleh pihak UA.
- 1.7 Mesyuarat Jawatankuasa Pendidikan Tinggi (JKPT) Bil.1/2022 yang lalu telah bersetuju untuk menetapkan penambahbaikan yang perlu diambil kira oleh pihak UA sebelum permohonan tersebut dikemukakan kepada Jabatan. Justeru itu, satu surat pemakluman keputusan-keputusan JKPT telah diedarkan kepada UA pada 19 Mei 2022. Adalah diharapkan dengan pemakluman ini, ia dapat melancarkan lagi proses pembangunan program akademik di UA serta membantu ahli JKPT memberi penilaian yang tepat dan wajar.

2. PENGESAHAN MINIT MESYUARAT

Ahli mesyuarat bersetuju agar Minit Mesyuarat Jawatankuasa Pendidikan Tinggi (JKPT) Bil.1/2022 disahkan tanpa pindaan.

3. PERKARA BERBANGKIT

Tidak berkenaan.

4. KERTAS CADANGAN UNIVERSITI BERSTATUS SWAAKREDITASI

4.6 UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA (UTM)

4.6.1 Semakan Kurikulum: Perubahan Nama Program Akademik Dan Bidang *National Education Code* (NEC)

Ringkasan permohonan program adalah seperti berikut:

Bil. Program Akademik	Nama Program Akademik	Tarikh Kelulusan Senat / LPU	Sesi Penawaran Diluluskan	Implikasi Perjawatan/Kewangan/ Fizikal
2 program akademik	Rujuk Lampiran 6			Tidak melibatkan implikasi kepada KPT

- a) Mesyuarat mengambil maklum bahawa:
- (i) Semakan kurikulum program akademik ini mengambil kira faktor perkembangan dan perubahan teknologi. Dapatan dari beberapa kajian menunjukkan terdapat keperluan penambahbaikan dari segi teknik pembelajaran dan pengajaran berdasarkan Pembelajaran Abad ke-21. Dalam semakan kurikulum ini, kesemua kursus dikehendaki menggunakan sekurang-kurangnya satu teknik pembelajaran abad ke-21 serta penilaian berterusan bagi menggantikan pengajaran secara 100% konvensional;
 - (ii) Semakan terhadap program akademik ini juga turut mengemaskini kurikulum sedia ada dengan menerapkan elemen Kurikulum Tersedia Masa Hadapan (*Future-Ready Education*), mengemaskini Objektif Pendidikan Program (*Program Educational Outcomes*, PEO) bagi menyediakan graduan yang memenuhi keperluan majikan dan industri selaras dengan Revolusi Industri 4.0, Hasil Pembelajaran Program (*Program Learning Outcomes*, PLO) dan *Course Information* (CI) serta Hasil Pembelajaran Kursus (*Course Learning Outcomes*, CLO) mengikut Kerangka Kelayakan Malaysia 2.0 (MQF 2.0) yang telah ditetapkan oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA); dan
 - (iii) Semakan kurikulum program akademik ini akan dilaksanakan dengan mengguna pakai sumber dalaman sedia ada tanpa melibatkan sebarang implikasi kewangan, fizikal dan perjawatan kepada Kementerian.
- b) Mesyuarat bersetuju untuk meluluskan semakan kurikulum program akademik tersebut selepas mengambil kira pandangan di para 4.6.1.

Tindakan:
UTM
BKA,JPT

5. KERTAS CADANGAN UNIVERSITI BUKAN BERSTATUS SWAAKREDITASI

Tidak berkenaan.

6. PROGRAM KERJASAMA SECARA FRANCAIS ANTARA UA DAN IPTS

Tidak berkenaan.

7. HAL – HAL LAIN

Mesyuarat bersetuju bahawa:

- 7.1 Pihak MQA perlu menyemak permohonan perubahan bidang *National Education Code* (NEC) terlebih dahulu sebelum mesyuarat JKPT berlangsung bagi memastikan bidang NEC yang dipohon oleh UA adalah tepat.

Tindakan: MQA

- 7.2 Semakan kurikulum program akademik yang mempunyai kadar kebolehpasaran graduan (*graduate employability*, GE) yang rendah perlu dilakukan secara terperinci seperti menambah mod pengajian secara industri bagi meningkatkan GE pelajar.

Makluman

- 7.3 Mesyuarat bersetuju agar permohonan penawaran program akademik secara saluran terbuka perlu mendapat kelulusan Jabatan Pendidikan Tinggi bagi memastikan penawaran program secara terbuka dapat dikawal, mematuhi dasar dan peraturan yang berkuatkuasa serta tidak menjejaskan pengambilan melalui saluran perdana.

Makluman

8. PENANGGUHAN MESYUARAT

Mesyuarat Jawatankuasa Pendidikan Tinggi (JKPT) Bil.2/2022 ditangguhkan pada jam 4.30 petang.

Disediakan oleh:

Urus Setia JKPT
Bahagian Kecemerlangan Akademik
Jabatan Pendidikan Tinggi

Nota:

Cabutan Minit ini adalah tertakluk kepada pengesahan minit semasa mesyuarat akan datang.

Lampiran 6

UTM – Semakan Kurikulum: Perubahan Maklumat Program Akademik

BIL	NAMA PROGRAM		BIDANG NEC		TEMPOH PENGAJIAN		JUMLAH JAM KREDIT		MOD PENAWARAN		LOKASI PENAWARAN		SESI PENGAJIAN DITAWARKAN	TARIKH KELULUSAN SENAT
	ASAL	BAHARU	ASAL	BAHARU	ASAL	BAHARU	ASAL	BAHARU	ASAL	BAHARU	ASAL	BAHARU		
1	Sarjana Sains Pengkhususan: Matematik <i>Master of Science Specialization: Mathematics</i>	Sarjana Sains dalam Matematik <i>Master of Science in Mathematics</i>	461 - <i>Mathematics</i>	0540 - Mathematics and Statistics not further defined	Sepenuh Masa Min: 1.5 tahun (3 semester) Maks: 4 tahun (8 semester)	Kekal	42 kredit	Kekal	Campuran	Kekal	Fakulti Sains	Kekal	Semester 1, Sesi 2022/2023	30 Mac 2022
2	Sarjana Sains Pengkhususan: Matematik Kejuruteraan <i>Master of Science Specialization: Engineering Mathematics</i>	Sarjana Sains Matematik Kejuruteraan <i>Master of Science in Engineering Mathematics</i>	461 - <i>Mathematics</i>	0540 - Mathematics and Statistics not further defined	Sepenuh Masa Min: 1.5 tahun (3 semester) Maks: 4 tahun (8 semester)	Kekal	42 kredit	Kekal	Campuran	Kekal	Fakulti Sains	Kekal	Semester 1, Sesi 2022/2023	30 Mac 2022